

1975

JOHOR BAHRU, 17 OGOS (BERNAMA) -- ASEAN AKAN MENGGESA JEPUN MELONGGARKAN SEKATAN IMPOTNYA KEATAS NENAS DALAM TIN DARI RANTAU INI, DEMIKIAN KATA Pengerusi Perusahaan Makanan Malaysia (FIMA), DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI.

KATANYA, MALAYSIA AKAN MENGAMBIL DAYAUTAMA MEMULAKAN RUNDINGAN ANTARA NEGARA-NEGARA ASEAN DENGAN JEPUN MENGENAI SOAL INI.

JEPUN, PADA TAHUN INI TELAH MENGENAKAN SEKATAN LEBIH KETAT TERHADAP IMPOT NENAS DALAM TIN UNTUK MELINDUNGI PERUSAHAAN NENASNYA DI OKINAWA, WALAUPUN HARGA NENAS MALAYSIA LEBIH MURAH.

DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PELAJARAN, TELAH BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MENANDATANGANI PERJANJIAN BERSAMA MENGENAI GAJI DENGAN KESATUAN PERUSAHAAN LOGAM CAWANGAN CAN MALAYSIA DI PEKAN NENAS, KIRA-KIRA 26 BATU DARI SINI.

BELIAU JUGA MENGUMUMKAN, TAHUN LALU PERUSAHAAN KILANG NENAS + PINEAPPLES CANNERY OF MALAYSIA SDN. BHD. + (PCM) YANG DIMILIKI SEPENUHNYA OLEH KERAJAAN, TELAH MENGEKSPOT KIRA-KIRA 1.2 JUTA KOTAK NENAS DALAM TIN TETAPI TAHUN INI, HANYA 750,000 KOTAK SAJA DIJANGKA DI EKSPOT.--BERSAMBUNG 1824/BY

585  
MAHATHIR 2 JOHOR BAHRU

EKSPOT TAHUN LALU PURATA BERJUMLAH KIRA-KIRA 100,000 KARTUN SEBULAN, BERBANDING PURATA 50,000 SAJA SEBULAN TAHUN INI. ANGKA INI MENUNJUKKAN KEKURANGAN 50 PERATUS AKIBAT KEADAAN PASARAN YANG MEROSOT DI SEBERANG LAUT.

DR. MAHATHIR JUGA BERKATA, FIMA SEDANG MENKKAJI KEDUDUKAN KILANG MENGETIN NENASNYA YANG KEDUA DI PULAU SEBATANG, PONTIAN, YANG SEKARANG KURANG MENGELUARKAN PENGELUARAN.

KILANG ITU MUNGKIN DIGUNAKAN UNTUK MENGETIN LAIN-LAIN JENIS BAHAN MAKANAN.

KATANYA, KILANG MENGETIN NENAS YANG UTAMA DI PEKAN NENAS BOLEH MENGELUARKAN NENAS YANG CUKUP UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN.

MENURUT DR. MAHATHIR, PCM MUNGKIN KERUGIAN JIKA URUSAN DI KILANGNYA YANG KEDUA ITU DITERUSKAN TANPA PERUBAHAN.--BERSAMBUNG 1827/BY

586  
MAHATHIR 3 JOHOR BAHRU

DR. MAHATHIR YANG JUGA Pengerusi SYARIKAT ITU BERKATA, PARA PEKEBUN KECIL JUGA KURANG MENANAM NENAS SEKARANG TETAPI BELIAU BERHARAP MEREKA DAPAT MENAMBAHKAN PENGELUARAN BILA KEADAAN PASARAN PULIH SEMULA.

BELIAU KEMUDIAN MENANDATANGANI PERJANJIAN GAJI YANG SAMA DENGAN PERUSAHAAN KILANG NENAS BAHAGIAN KESATUAN PERUSAHAAN MAKANAN. KEDUA-DUA PCM DAN MALAYSIA CAN TALAH ANAK SYARIKAT FIMA.--BERNAMA 1828/BY